

KESAN DAN CABARAN WAKAF PERTANIAN TERHADAP SOSIOEKONOMI UMMAH

Siti Syarwani Binti Ghazali
Kolej Profesional MAIWP
E-mel: sitisyarwani@kpmaiwp.edu.my

Siti Yusrina Amirah Binti Mohd Yusnizam
Sekolah Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, Kolej Profesional MAIWP

Amilliya Binti Mohd Nasir
Sekolah Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, Kolej Profesional MAIWP

Nur Dini Wasilah Binti Abdul Malik
Sekolah Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, Kolej Profesional MAIWP

Wan Alif Amzar Bin Wan Mustafa
Sekolah Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, Kolej Profesional MAIWP

Muhamad Zluqman Bin Abdul Hoyri
Sekolah Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, Kolej Profesional MAIWP

ABSTRAK

Potensi wakaf masa kini dilihat jauh lebih luas, termasuk dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat dan negara. Bagi menjayakan tujuan tersebut, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah melancarkan projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) untuk memaksimumkan penggunaan tanah terbiar dan membantu golongan berkeperluan. Projek tersebut menjadikan tanah wakaf sebagai ladang pertanian yang produktif sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap tanaman import. Justeru itu, melalui pendekatan kualitatif, kajian ini memfokuskan kepada kesan pelaksanaan peringkat awal terhadap Pembangunan sosio-ekonomi masyarakat khususnya golongan asnaf dan B40 serta cabaran yang dihadapi dalam menjayakan projek tersebut. Data dikumpulkan melalui sumber primer iaitu temu bual separa berstruktur dan sumber sekunder iaitu artikel, jurnal dan laman sesawang. Data seterusnya dianalisis secara deskriptif dan sistematik. Hasil kajian mendapati bahawa pembangunan sosio-ekonomi yang dicapai pada peringkat awal ini merangkumi empat kesan iaitu i. aspek keperluan hidup, ii. pendidikan dan pembangunan diri, iii. peluang pekerjaan dan iv. tabungan dana wakaf tunai YWM. Manakala terdapat tiga cabaran yang dihadapi iaitu i. ketiadaan sistem pengkalan data (*database*) yang lengkap, ii. ketidakstabilan hasil tanaman yang dialami pada fasa awal serta iii. penyesuaian diri pelatih daripada kumpulan rentan seperti B40, asnaf, OKU dan pesakit gangguan emosi terhadap suasana kerja dan tanggungjawab yang baharu. Dengan demikian, projek WATANI berpotensi menjadi model bagi pengembangan wakaf yang lebih holistic dan berkesan dalam membantu isu kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Kata kunci: Wakaf Pertanian; Sosioekonomi; Asnaf

1. PENGENALAN

Wakaf telah lama berperanan sebagai instrumen utama dalam ekonomi Islam bagi memperkasa ummah, membina kebajikan sosial dan memperkukuh pembangunan komuniti. Dalam menghadapi krisis makanan global, ketidaktentuan iklim dan peningkatan kadar kemiskinan, wakaf khususnya dalam bentuk aset pertanian berpotensi menawarkan alternatif mampan dan patuh syariah untuk menjamin keterjaminan makanan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Wakaf pertanian yang berasaskan kepada konsep klasik Islam mahupun kontemporari mengkhususkan tanah atau sumber produktif untuk manfaat kebajikan yang berterusan. Pelaksanaan tersebut lazimnya didukung oleh kontrak Islam seperti *muzara'ah* (perkongsian hasil), *musaqah* (penyiraman tanaman) dan ijarah

(sewaan). Mekanisme ini mendorong kerjasama dalam pengeluaran sambil mengekalkan pemilikan dalam kerangka spiritual wakaf (Mohamed Izzat & Muhammad Hakimi, 2021).

Projek-projek wakaf pertanian dilihat dapat memperkukuh bekalan makanan, mencipta peluang pekerjaan serta meningkatkan kebajikan masyarakat. Potensi wakaf pertanian pula dapat dicapai melalui pelaksanaan penambahbaikan dari sudut kualiti benih, lokasi tanah dan fasiliti pengangkutan, latihan pertanian, tempoh perjanjian wakaf yang jelas serta bantuan kewangan (Mohd Faiz Mohamed Yusof, et al. 2024). Inisiatif menambahbaik sumber dalam negara seperti ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan, malah menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, terdapat juga projek nanas yang dijalankan oleh Zakat Pulau Pinang iaitu Projek Peladang Usahawan Asnaf yang melibatkan enam peserta asnaf yang terpilih. Projek ini melibatkan kerjasama pelbagai agensi bagi memperkasakan golongan miskin melalui peluang pekerjaan dan agihan keuntungan daripada hasil tuaian (Kosmo, 2021).

Wakaf pertanian ini mampu menjadi sumber ketahanan ekonomi dengan menghidupkan semula tanah terbiar menjadi aset penjana pendapatan. Integrasi prinsip keusahawanan sosial dalam tadbir urus wakaf turut memperkukuh potensinya. Imam al-Ghazali pernah menegaskan bahawa menjadi kewajipan komuniti untuk membantu sesama muslim dan ia sejajar dengan kerangka kewangan sosial Islam yang kini diterjemahkan dalam bentuk aplikasi wakaf moden. Melalui model seperti Waqf Trustee Anchor Company Community Farmer (Norfaridah et al. 2021), wakaf pertanian dilihat mampu berfungsi sebagai pemacu ekonomi inklusif. Antara manfaat yang berkait rapat dengan keberhasilan daripada wakaf pertanian antaranya ialah jaminan makanan, peningkatan pendapatan dan ekosistem (Muhamad Farhan & Noor Syahidah, 2025).

Namun begitu, pembangunan wakaf pertanian masih berdepan pelbagai kekangan struktur dan operasi. Kurang pengetahuan dan kesedaran awam, keterbatasan dana, kekurangan pengurus wakaf yang kompeten (Muhamad Farhan & Noor Syahidah, 2025) serta keterbatasan kerangka perundangan seringkali menjadi penghalang kepada pelaksanaan projek (Norfaridah Ali Azizan et al. 2021). Sebagai contoh, projek tanaman kepala sawit di Selangor tidak berjaya dilaksanakan akibat kekurangan dana sebanyak RM26,000 (Mat Zain et al. 2022). Selain itu, kelemahan sistem pengurusan akibat kurang kompetensi nazhir (pengurus wakaf) dan ketiadaan standard pelaporan turut menghakis kepercayaan masyarakat terhadap inisiatif wakaf (Laelah. 2020).

Bagi memaksimumkan potensi wakaf pertanian ini, integrasi strategik bersama inisiatif pembangunan negara adalah sangat penting. Inisiatif melalui kaedah pembiayaan inovatif seperti sukuk wakaf dan penginstitution inisiatif CSR turut boleh dilaksanakan berasaskan wakaf. Kerjasama institusi seperti JAWHAR, Majlis Agama Islam Negeri dengan agensi-agensi daripada sektor awam dan swasta mahupun badan korporat dapat meningkatkan keberkesanan impak sosial. Kejayaan Malaysia dalam projek seperti Hotel Grand Puteri dan Perumahan Wakaf Seetee Aisyah membuktikan bahawa wakaf berpotensi merangkumi sektor perumahan, pendidikan dan makanan secara serentak (Rashid et al. 2023).

Kajian terdahulu banyak menumpukan kepada aspek konseptual atau kajian kes. Namun, pengukuran impak yang sistematik terhadap kualiti hidup, pendapatan dan ketahanan makanan dalam kalangan penerima manfaat kurang dilaporkan. Begitu juga penyelidikan yang menggabungkan indikator maqasid syariah secara menyeluruh dalam menilai pencapaian projek wakaf pertanian sebagai instrumen pembangunan masyarakat. Jurang ini memerlukan pengisian melalui pendekatan penyelidikan berasaskan data lapangan serta impak sebenar.

Justeru, terdapat keperluan untuk menilai kesan dan cabaran semasa bagi memastikan daya tahan projek wakaf pertanian dalam menghadapi ancaman pasaran dan cabaran teknikal. Kajian ini memfokuskan kepada kesan dan cabaran terhadap projek pertanian Yayasan Wakaf Malaysia (WATANI). Penelitian ini seterusnya dapat diambil kira bagi pembinaan model pengurusan risiko yang sistematik dan tadbir urus yang inovatif seperti penggunaan teknologi digital, sistem pemantauan bersepadu dan penglibatan komuniti secara menyeluruh bagi mencapai objektif sosial dan ekonomi ummah yang dihasratkan menerusi wakaf pertanian.

2. METODOLOGI

Artikel ini merupakan artikel konsep, maka penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif secara analisis dokumen untuk menyingkap kesan dan cabaran pembangunan wakaf pertanian dalam konteks sosio-ekonomi. Strategi kajian kes digunakan untuk memudahkan proses penyelidikan. Sumber utama data kualitatif meliputi temu bual bersama pengurus operasi Wakaf Pertanian Bersepadu. Manakala data sekunder kajian pula adalah daripada bahan bertulis seperti dokumen, penyelidikan jurnal, laman sesawang dan dokumentasi yang berkaitan wakaf pertanian. Bagi memenuhi objektif kajian, data dianalisis pada aspek kesan dan cabaran wakaf pertanian projek WATANI menggunakan pendekatan deskriptif secara sistematik dengan mengkategorikan informasi yang dikumpul.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) ini diperkenalkan sebagai satu inisiatif yang menggabungkan konsep wakaf dengan pendekatan pertanian moden. Matlamat projek turut mensasarkan pembangunan tanah-tanah berpotensi dan kemudiannya menjadi pelopor sebagai tempat pembelajaran kepada agensi-agensi lain. Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) telah diluluskan pelaksanaannya pada 22 Februari 2022 dan diuruskan oleh anak syarikat Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu YWM MAIN Holdings. Sdn. Bhd. Antara tanaman yang diketengahkan adalah golden melon, fertigasi cili, nanas Yankee, nanas MD2 dan pisang tanduk dengan sasaran nilai jualan antara RM90,000 hingga RM240,000 bagi tempoh tiga bulan yang bergantung kepada jenis tanaman (Sinar Harian, 2022).

Pada peringkat awal, jadual pelaksanaan penanaman disusun dengan jelas dari sudut perancangan dan pengurusan penanaman. Rawatan terhadap tanah juga dilakukan untuk memastikan kesesuaian tanaman yang dilakukan seperti terkini termasuk penanaman jagung yang melibatkan proses cucian tanah, proses meracun, kemudian semaian dan pemindahan tanah. Seterusnya penanaman cili bermula dengan semaian benih di dalam *green house*, cucian pasu, pemindahan ke ladang cili dengan rawatan-rawatan tertentu termasuk membaja mengikut jadual (Muhammad Sazeli Mohd Nazir, 2024). Pengurusan tanaman dijalankan secara teratur bagi menjaga kualiti hasil tanaman dan keadaan tanah serta memudahkan proses penanaman pada peringkat seterusnya yang akhirnya memudahkan ia dipasarkan. Diperingkat awal pelaksanaan ini, kesan projek pertanian terhadap pembangunan sosio-ekonomi dikenalpasti seperti rajah 1.

Rajah 1: Kesan Wakaf Pertanian Bersepadu Terhadap Pembangunan Sosio-ekonomi Ummah



3.1 Kesan Terhadap Sosial

Projek WATANI yang dilaksanakan oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah menunjukkan impak sosial terhadap kumpulan sasaran seperti asnaf, golongan B40, orang kelainan upaya (OKU) serta individu yang berhadapan dengan cabaran kesihatan mental. Melalui inisiatif ini, pelbagai bentuk sokongan sosial diusahakan, antaranya ialah; (i). penyediaan keperluan hidup; (ii). pendidikan dan pembangunan diri; (iii). peluang pekerjaan; dan (iv). tabungan dana wakaf. Penyediaan keperluan asas iaitu berdasarkan konsep hadd kifayah yang merangkumi makanan dan tempat perlindungan. Hasil pertanian WATANI dihantar terus kepada peniaga terpilih dengan harga lebih rendah berbanding pasaran. Sekalipun tidak jauh berbeza, namun membantu pengguna akhir menikmati barangan segar pada harga berpatutan tanpa penglibatan orang tengah. Disamping itu, penempatan turut disediakan kepada pekerja yang memerlukan dan ini menjadikan projek ini sebagai platform perlindungan sosial yang praktikal.

Manakala dalam aspek pendidikan dan pembangunan diri, projek ini memberikan latihan berterusan kepada pekerja melalui pendekatan *hands-on* dalam teknik pertanian moden seperti fertigasi dan sistem rumah hijau. Kerjasama strategik dengan agensi luar seperti jabatan Pertanian dan Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia memperkukuh latihan teknikal yang diberikan. Lebih signifikan, beberapa pelatih berjaya ditawarkan pekerjaan secara kontrak dan ada juga yang memulakan kebun sendiri. Oleh itu, WATANI tidak sekadar menyediakan peluang pekerjaan, namun turut berperanan sebagai agen perubahan sosial yang memperkasa komuniti melalui peningkatan ilmu pertanian, kemahiran dan keyakinan diri untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

3.2 Kesan Terhadap Ekonomi


Projek WATANI dapat memberi impak yang menyeluruh kepada Pembangunan ekonomi individu dan komuniti. Peluang pekerjaan dibuka kepada golongan belia berumur 16 hingga 30 tahun, termasuk mereka yang tidak berpeluang menyambung pengajian tinggi. Terdapat juga peluang kepada remaja yang berkerja sambilan selepas waktu persekolahan serta pelajar lepasan SPM sementara menanti Keputusan. Peluang ini memberi pendapatan tambahan kepada mereka dan meringankan beban keluarga. Pelatih yang memiliki kelayakan seperti SPM dan diploma berpeluang diserap sebagai pekerja tetap dengan gaji minimum RM1,800 mengikut kelayakan dan Akta Buruh semasa.

Selain itu, projek ini turut mengaplikasikan konsep Tabungan Wakaf Tunai melalui hasil jualan produk pertanian. Keuntungan hasil jualan diagihkan antara YWM dan pengurusan laman WATANI, di mana bahagian laman digunakan untuk membentuk dana wakaf tunai. Dana ini seterusnya digunakan bagi projek lain seperti Wakaf Air yang menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan peralatan sokongan kepada komuniti yang memerlukan. Justeru, model wakaf ekonomi yang diterapkan dalam WATANI bukan sahaja menjana hasil pertanian, malah mengukuhkan mekanisme

agihan semula kekayaan berasaskan wakaf yang bestari dan memacu pertumbuhan ekonomi Islam yang inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat semasa. Namun, wujud kekangan yang menjadi cabaran yang dihadapi oleh YWM MAIN Holdings. Sdn. Bhd diperingkat awal pelaksanaan.

3.3 Cabaran Pelaksanaan Wakaf Pertanian Projek WATANI

Rajah 2: Cabaran Wakaf Pertanian Bersepadu



Berdasarkan kepada kesan pelaksanaan projek dapat dilihat potensi besar dalam memperkasa sosioekonomi komuniti, namun terdapat cabaran yang dikenalpasti dalam menjayakannya secara menyeluruh. Cabaran pertama iaitu ketiadaan sistem pengkalan data (*database*) yang lengkap menjadi kekangan dalam menilai keberkesanan sebenar program. Ketiadaan rekod menyeluruh mengenai pelatih dan pekerja yang telah berjaya berdikari menyukarkan usaha pemantauan dan pengukuran impak program secara objektif. Hal ini menunjukkan keperluan untuk mewujudkan sistem maklumat dan pelaporan bersepadu yang membolehkan data impak disusun secara sistematik bagi tujuan analisis dan pelaporan berkala.

Manakala cabaran kedua ialah ketidakstabilan hasil tanaman dan kekangan pengurusan sumber menyebabkan margin keuntungan rendah dan mengakibatkan kerugian kewangan pada fasa awal pelaksanaan projek. Menjadi cabaran kepada pengendali untuk memastikan kapasiti pengeluaran pertanian mencukupi bagi memenuhi permintaan pasaran. Isu seperti kekurangan stok dan hasil tuaian yang tidak stabil memerlukan untuk mengambil langkah alternatif seperti mendapatkan bekalan luar (contohnya seperti cendawan dan jagung) untuk menampung keperluan jualan. Ini memperlihatkan pentingnya perancangan pengeluaran bersepadu, pemantauan rantai bekalan dan jalinan kerjasama dengan pembekal luar. Kerugian yang dialami ditangani dengan strategik melalui usaha mempelbagaikan sektor jualan produk tambahan. Pendekatan ini mencerminkan adaptasi model perniagaan wakaf kepada cabaran pasaran semasa melalui diversifikasi produk dan pendapatan.

Cabaran ketiga pula berkait dengan aspek penyesuaian pelatih daripada kumpulan rentan seperti B40, asnaf, OKU dan pesakit gangguan emosi terhadap suasana kerja dan tanggungjawab yang baharu. Walau sokongan diberikan termasuk peluang penyesuaian diri dan pembangunan sendiri, sebilangan pelatih gagal untuk mengekalkan komitmen pekerjaan. Namun demikian, pendekatan inklusif WATANI yang dilakukan telah memberi ruang kepada pelatih tanpa diskriminasi untuk mencuba, berkembang dan dinilai berdasarkan potensi sebenar, bukan berdasarkan latar belakang mereka semata-mata.

Secara keseluruhannya, cabaran terbesar ialah memastikan projek WATANI mampu mencapai kelestarian kewangan dan pada masa yang sama, memastikan kumpulan sasar berjaya berdikari. Dengan matlamat dapat menyumbang sekurang-kurangnya 50% hasil perniagaan sebagai dana wakaf tunai, cabaran ini bukan sahaja bersifat teknikal dan pengurusan, bahkan melibatkan penyesuaian model wakaf kepada realiti ekonomi kontemporari.

3.4 Cadangan Usahasama

Bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan jangka panjang projek WATANI, beberapa cadangan usahasama strategik perlu digembleng secara bersepadu dan inklusif. Antara langkah penting ialah memperkukuh jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi seperti universiti dan kolej vokasional. Usahasama ini dapat diterjemahkan melalui pelaksanaan program latihan industri dan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dalam bidang pertanian moden.

Penyertaan pelajar secara langsung dalam operasi ladang wakaf dapat meningkatkan pemindahan ilmu serta mencetus inovasi baru dalam amalan pertanian lestari. Selain itu, pelaksanaan program mentorship dengan petani berpengalaman akan memberi nilai tambah dalam membimbing peserta projek, terutamanya dalam aspek kemahiran teknikal dan pengurusan perusahaan tani secara profesional.

Seterusnya, usahasama dalam aspek pemasaran perlu dibentuk dengan lebih strategik. Penggunaan media sosial, e-dagang dan penyertaan dalam pasar tani merupakan platform yang boleh dimanfaatkan bagi memperluas pasaran hasil pertanian WATANI. Penjenamaan produk wakaf juga perlu diperkukuh agar dapat meningkatkan daya saing di pasaran terbuka. Dari sudut pembiayaan pula, sokongan kewangan tambahan daripada agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor korporat amat peting bagi membiayai modal awal pelatih sebagai peserta dalam projek pertanian terutamanya mereka yang ingin menceburi perusahaan pertanian secara berdikari. Disamping itu, YWM MAIN Holding sedang meneroka potensi penghasilan produk hiliran seperti makanan berasaskan hasil pertanian yang boleh menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan kelestarian ekonomi projek.

Inisiatif kebajikan turut dicadangkan melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam antaranya pemberian elaun bulanan dan penyediaan tempat tinggal kepada pelatih dalam kalangan asnaf yang layak. Pendekatan ini akan membantu memperkukuh sokongan sosial kepada pelatih selain meningkatkan motivasi dan daya tahan mereka dalam proses pembelajaran dan pekerjaan. Pelaksanaan usahasama strategik ini secara keseluruhannya akan memperkukuh keupayaan institusi wakaf dalam mentransformasikan projek seperti WATANI sebagai pemacu pembangunan sosioekonomi ummah yang berimpak tinggi dan lestari.

4. KESIMPULAN

Wakaf pertanian berpotensi menjadi tunggak dalam usaha Malaysia mencapai tahap kecukupan makanan, mengurangkan kemiskinan dan memacu pembangunan bandar dan luar bandar yang mampan. Namun begitu, pencapaian ini menuntut pembaharuan dasar, pembangunan kapasiti pengurusan wakaf, sokongan penuh kerajaan persekutuan serta kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta agar cabaran dan risiko yang mendatang lebih terkawal.

5. RUJUKAN

- Abdullah, Mohammad. (2018). Waqf, Sustainable Development Goals (SDGs) and maqasid. *International Journal of Social Economics*, 158-172.
- Abul Hasan, M.Sadeq. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1), 135-151.

- Ahmad Sanep & Nur Diyana Muhamed. (2011). Dana Wakaf Tunai: Strategi Pembangunan Ekonomi Umat Islam. *Journal of Islamic Economic Malaysia*, 5(1), 25-40.
- Muhammad Farhan Ishak & Noor Syahidah Mohamad Akhir. (2025). Agricultural Waqf: Concept, Benefits and Challenges in the Contemporary Context. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*. Vol. IX(XIV). <https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2025.914MG0017>.
- Kosmo. (2021). Hasil 140,000 Pokok Nanas di Ladang Wakaf Terbiar. Kosmo.com.my
- Mohd Faiz Mohamed Yusof, Nurhanani Romli, Azri Bhari, Mohamad Mahyuddin Khalid & Mohd Asrof Zaki Yaakob. (2024). Potensi Penambahbaikan Pelaksanaan Wakaf Pertanian dan Penternakan: Tinjauan Literatur Sistematis. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*. Vol. 33. No. 3. eISSN: 2289-9944.
- Mohamed Izzat & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. (2021). Islamic Contract in Agricultural Waqf Management. *Journal of Islamic Finance Studies*, 7(2), 154-157.
- Muhammad Sazeli. (2024). Temu bual bersama pengurus operasi Wakaf Pertanian Bersepadu.
- Mat Zain, M. Noor, Muda, M. Z., Mohamed Said, N. Li., & Romli, S. (2022). Analisa Faktor Permasalahan Membangunkan Tanah Wakaf di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 5(Volume 5 (No. 1) 2022: 37-47), 38–47.
- Norfaridah Ali Azizan, Amirul Afif Muhamat, Sharifah Faigah Syed Alwi & Husniyati Ali. (2021). Agribusiness As The Solution For The Underutilized Waqf Land: A Viewpoint From The Waqf Administrators. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 19(3), 295-306.
- Norfaridah, B. et al. (2021). Waqf Trustee Anchor Company-Community Farmer Model: An Inclusive Approach. *International Journal of Waqf Studies*, 4(1), 89-110.
- Rashid, U. S. A. Yusof, M. F. M & Bhari, A. (2023). An Analysis of The Role of Waqf in the Food Industry as Quality of Life Assurance. *GJAT: Global Journal Al-Thaqafah, Special Issue*, 183-198.
- Sinar Harian. (2022). Inisiatif Watani Diperluas ke Seluruh Negara. sinarharian.com.
- Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). (2022). Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI). Kuala Lumpur: YWM.